

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	09/01/2018

Krisis Tun M, Anwar lahir budaya cerca

BH - 9/1/2018

pg. 9

➔ 20 tahun negara dalam huru-hara, jejas kestabilan politik, ekonomi

Oleh Syed Azwan Syed Ali,
Mohd Nasaruddin Parzi dan
Suhaila Shahrul Anuar
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak boleh memperbodohkan rakyat dengan sandiwara politik mereka selepas 20 tahun persengketaan politik kedua-dua individu itu, menyebabkan negara haru-biru.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, berkata isu di antara Dr Mahathir dan Anwar bukan hanya isu dua individu politik.

"Persengketaan Tun Mahathir dan Anwar melahirkan budaya po-

litik cerca, maki hamun dan kebencian melampau selama 20 tahun ini. Untuk 20 tahun negara kita berdepan politik tidak stabil kerana nafsu politik kedua-dua orang ini.

"Demonstrasi, rusuhan dan kempen menghasut yang tidak pernah reda sejak 1998. Akibatnya ekonomi kita terkesan, kestabilan politik kita lumpuh," katanya melalui Tweetnya, semalam.

Abdul Rahman berkata, krisis politik demi krisis politik saling berganti sepanjang tempoh 20 tahun Tun Mahathir dan Anwar berperang antara mereka, namun tiba-tiba dua individu itu boleh berbaik begitu sahaja.

"Anwar pula melantik Tun Mahathir sebagai calon PM (Perdana Menteri), orang tidak boleh terima," katanya.

Kelmarin, pakatan DAP, PKR,



Noh mengecat rumah di perkampungan Orang Asli sambil diperhatikan Tok Batin Kampung Gurney, Johari Jenang Pesan (kiri) pada Program Baik Pulih 'Touch Point' secara gotong-royong di Kampung Orang Asli Gurney, Batang Kali, semalam.

Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan Parti Amanah Negara (PAN), menamakan Dr Mahathir sebagai calon Perdana Menteri, manakala Presiden PKR, Datin Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon timbalannya jika mereka menang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Tindakan terkebelakang

Di Putrajaya, pencalonan Dr Mahathir sebagai calon Perdana Menteri mencerminkan tindakan terkebelakang dan pendirian tidak konsisten pakatan pembangkang dalam memperjuangkan janji mereka kepada rakyat.

Bendahari UMNO, Datuk Seri Salleh Said Keruak, berkata ia juga menunjukkan pakatan pembangkang tiada pilihan lain, sedangkan semua tahu gabungan itu wujud sebelum ini atas alasan mahu

membuat reformasi dalam politik negara.

"Sebelum ini, ketika Tun Mahathir menjadi Perdana Menteri, mereka bermati-matian menolak serta membuat tuduhan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) itu adalah konspirasi politik ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Jadi sekarang bagaimana? Orang yang sama, mereka calonkan sebagai ketua. Jadi, mereka perlu jelaskan kerana kita perlu bersikap adil kepada rakyat Malaysia. Ini jelas tidak konsisten dan rakyat seharusnya menilai perkara ini," katanya selepas majlis prapelanconan Malaysia Cybergames 2018, di sini, semalam.

Di Hulu Selangor, seorang lagi Ahli MT UMNO, Tan Sri Noh Omar, berkata jika Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, Pengerusi Parti

Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu tidak akan mengendahkan kritikan daripada ahli akar umbi.

Katanya, walaupun wujud desakan dan tentangan, Dr Mahathir seperti diketahui umum, langsung tidak akan peduli kerana beliau pemimpin yang mengamalkan gaya pentadbiran diktator.

"Dahulu Dr Mahathir dikatakan diktator (oleh pembangkang). Beliau tidak akan dengar masalah orang bawah. Orang bawah akan bising, beliau tidak akan endah. Biarlah mereka (pembangkang) sendiri rasa macam mana seorang diktator jadi ketua.

"Meraung, menjerit, berdemonstrasi, Dr Mahathir tidak akan peduli," katanya pada sidang media selepas melancarkan Program Baik Pulih 'Touch Point' secara gotong-royong di Kampung Orang Asli Gurney, Batang Kali, semalam.